

06 MAY 1997

Mahathir-anugerah

AFRIKA SELATAN ANUGERAH DR MAHATHIR ORDER OF GOOD HOPE

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menerima anugerah tertinggi Afrika Selatan, anugerah emas Order of Good Hope, oleh Presiden Nelson Mandela semasa lawatannya ke negara itu yang bermula esok.

Order of Good Hope merupakan anugerah tertinggi dikurniakan kepada warganegara asing dan anugerah emas dikhaskan kepada ketua-ketua negara dan dalam keadaan tertentu kepada ketua kerajaan.

Upacara penganugerahan akan diadakan di Genadendal, kediaman rasmi Mandela di Cape Town, menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tinggi Afrika Selatan di sini.

Mandela akan meraikan Dr Mahathir pada satu majlis makan tengah hari selepas majlis itu.

Anugerah itu dikurniakan kepada Dr Mahathir sebagai pengiktirafan kepada "peranan utamanya dalam meningkatkan kepentingan negara membangun dan pemupukan kerjasama Selatan-Selatan dalam arena antarabangsa."

Kenyataan itu menyebut pembabitan lama Dr Mahathir dengan Afrika Selatan, sokongan padunya dalam perjuangan menentang apartheid dan usaha gigih beliau memupuk hubungan persahabatan yang erat antara Malaysia dan Afrika Selatan.

Ia juga berkata hasil komitmen peribadi dan keyakinan Dr Mahathir, Malaysia telah menjadi negara pelabur asing keempat terbesar di Afrika Selatan dan rakan niaga yang utama.

Dr Mahathir yang diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan satu delegasi perniagaan akan berlepas ke Cape Town selepas menamatkan lawatan rasmi ke Malawi dan Bostwana.

Anugerah dari Afrika Selatan itu merupakan yang terbaru daripada beberapa anugerah yang diterima oleh Perdana Menteri. Sebelum ini, Dr Mahathir dianugerahkan Anugerah Al-Malik Faisal oleh kerajaan Arab Saudi, Anugerah Jawaharlal Nehru (India), anugerah Mubarak Al-Kabir (Kuwait) dan anugerah Ahmad Al-Fatah (Bahrain). -- BERNAMA

TCL OBA